

“TALKING POINT”

**Majlis Pelancaran OPS GEMPUR
Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis
Bagi Tahun 2021**

PKNKMI

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS

Majlis Pelancaran OPS GEMPUR Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis Bagi Tahun 2021

Ops Gempur merupakan satu pendekatan penguatkuasaan yang perlu dilaksanakan secara berkala setiap bulan oleh JAS Negeri mulai bulan Julai pada tahun 2020. Ops Gempur ini telah melibatkan keseluruhan tenaga pegawai teknikal Bahagian Penguatkuasaan II. Sasaran Ops Gempur ini melibatkan Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) Industri dan Bukan Industri (Bengkel/workshop/Loji Kumbahan).

Objektif Ops Gempur ini adalah untuk memastikan pihak industri khususnya sentiasa bersedia untuk mematuhi perundangan Alam Sekitar dalam mereka menjalankan operasi premis. Selain itu, ianya juga menunjukkan keseriusan Jabatan dalam membentras dan mengambil tindakan perundangan kepada mana-mana pihak yang melanggar perundangan alam sekitar.

Hasil daripada Ops Gempur dan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan pada tahun 2020, JAS Perlis telah berjaya membuat 426 pemeriksaan ke atas premis di kawasan Kangar, Arau dan Padang Besar. Hasil daripada operasi ini, tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap premis adalah Arahan Lapangan (426), Notis Arahan (76), Kompaun (108) dan Kertas siasatan (1).

Pada tahun ini, ops gempur diteruskan dengan sasaran pelaksanaan setiap bulan oleh 6 anggota Bahagian Penguatkuasaan II. Premis yang disasarkan adalah PYBDT industri dan bukan industri iaitu sebanyak 384 pemeriksaan bermula dari bulan Januari 2021 sehingga Disember 2021.

Pelaksanaan Ops ini telah mengambilkira SOP, arahan dan langkah-langkah keselamatan atau kesihatan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Alam Sekitar Malaysia.